

**Jangan jadikan budaya Barat acuan corak masa depan negara - TPM**  
**Astro Awani**  
**Nov 27, 2016**

**KUALA LUMPUR:** Golongan muda khususnya mahasiswa diingatkan supaya tidak mudah terpengaruh dan membawa masuk budaya Barat untuk dijadikan acuan dalam mencorakkan masa depan negara, kata Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata walaupun sesuatu perkara itu dianggap baik di Barat, namun tidak semestinya ia sesuai diguna pakai di negara ini.

"Mungkin ada yang boleh kita pinjam untuk pakai dalam sistem kita, tetapi untuk memaksa sistem luar seratus peratus dijadikan acuan negara, mungkin tidak sesuai.

"Wajah dan rupa negara bukan boleh dicorak orang luar, kita yang perlu berikan wajah sebenar. Kita tidak izinkan orang lain untuk mencorakkannya, hanya kita sahaja yang boleh mencorakkan masa depan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Kepimpinan Mahasiswa Nasional (Pemanas) 4.0 sempena Perhimpunan Agung UMNO, di sini, hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden berkata golongan mahasiswa dalam dan luar negara perlu sentiasa berwaspada dengan aspek negatif dari barat yang mengeneipikan hukum agama, nilai ketimuran serta mampu merosakkan institusi sosial.

Beliau berkata ini kerana ada yang cenderung menjadikan nilai-nilai negatif sebagai acuan di negara ini kerana menganggap nilai ketimuran merupakan sesuatu yang jumud atau konvensional.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata pandangan berbeza yang diutarakan generasi muda perlu diambil kira kerana golongan itu berada di garisan hadapan masyarakat dan dekat dengan denyut nadi rakyat.

Mengulas mengenai Pemanas, beliau berkata persidangan itu yang memasuki tahun keempat penganjurannya merupakan platform terbaik di luar suasana akademik di kampus yang boleh digunakan untuk generasi muda melontar pandangan dan mengupas isu semasa. – *Bernama*

Tag: [Timbalan Perdana Menteri](#), [Ahmad Zahid Hamidi](#), [Budaya Barat](#), [Persidangan Kepimpinan Mahasiswa Nasional](#), [Pemanas](#), [UMNO](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-jadikan-budaya-barat-acuan-corak-masa-depan-negara-tpm-123947>